

# TINGKAT PERKHIDMATAN PENJAGAAN, RAWATAN MATA

21 April 2016

- The Borneo Post Online

Oleh Jessica Jawing



*KERJASAMA: Karim (empat kanan) menyaksikan penyerahan dokumen MoA antara Kadim (tiga kiri) bersama Dr Kong (tiga kanan) selepas menandatangani MoA, semalam. Turut kelihatan Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Profesor Dr Ahmad Hata Rasit (kiri).*

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) bersama Eye Specialist Centre (ESC) Kuching, semalam dalam usaha meningkatkan perkhidmatan penjagaan dan rawatan mata (oftalmologi) di negeri ini.

MoA berkenaan ditandatangani Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi sementara ESC diwakili Pengarah Perubatan Eye Specialist Centre (Kuching) Sdn Bhd Dr Dennis Kong dan disaksikan Menteri Muda Belia (Bandar) Datuk Abdul Karim Rahman Hamzah di UNIMAS.

Karim dalam ucapannya berkata, kerajaan mengalu-alukan usaha universiti awam bersama pihak swasta terutama melibatkan modal insan atau kepakaran yang pasti memberi manfaat kepada masyarakat keseluruhannya.

“Kita berasakan kerjasama antara universiti ini dan pihak swasta (ESC) adalah amat baik kerana ia memberi manfaat bukan sahaja kepada kedua-dua pihak tetapi kepada masyarakat secara keseluruhannya.

“Dengan kerjasama terjalin ia pasti akan meningkatkan lagi standard perkhidmatan rawatan serta penjagaan mata di negeri ini sekali gus mengangkat nama UNIMAS dan ESC ke peringkat lebih tinggi,” katanya.

Katanya kerjasama yang menyaksikan ESC sebagai penyedia kemudahan kepada pelajar UNIMAS untuk latihan itu pastinya memberi persekitaran pembelajaran baik di luar universiti.

Ia memberi peluang kepada mereka mempelajari kepakaran dalam bidang berkenaan menggunakan teknologi di sektor swasta, ujar Karim.

Melalui perjanjian itu, ESC akan bergabung tenaga dengan kepakaran bidang oftalmologi di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS untuk bersama membangunkan kepakaran masing-masing melalui kerjasama dalam tugas klinikal, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Pakar-pakar oftalmologi UNIMAS akan dibenar menggunakan ruang dan peluang di ESC untuk memastikan ilmu dan kompetensi mereka tidak dibatasi kekangan Hospital Pengajar Khas untuk UNIMAS yang kini dalam peringkat perancangan awal.

MoA juga meningkatkan lagi kerjasama antara ESC dan UNIMAS dalam kedua-dua bidang iaitu latihan dan penyelidikan.

Penyelidikan oftalmologi merupakan sumbangan penting dalam usaha meningkatkan lagi penjagaan mata melalui penemuan baharu dan inovasi.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2016/04/21/tingkat-perkhidmatan-penjagaan-rawatan-mata/#ixzz48EtccSto>